



Treaty Series No. 16 (1989)

Agreement

between the Government of the
United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland
and the Government of Malaysia

for the Promotion and Protection of Investments

London, 21 May 1981

[The Agreement entered into force on 21 October 1988]

*Presented to Parliament
by the Secretary of State for Foreign and Commonwealth Affairs
by Command of Her Majesty
June 1989*

LONDON
HER MAJESTY'S STATIONERY OFFICE
£2.70 net

**AGREEMENT
BETWEEN THE GOVERNMENT OF THE UNITED KINGDOM
OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND AND THE
GOVERNMENT OF MALAYSIA FOR THE PROMOTION
AND PROTECTION OF INVESTMENTS**

The Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and the Government of Malaysia;

Desiring to create favourable conditions for greater investment by nationals and companies of one State in the territory of the other State;

Recognising that the encouragement and reciprocal protection under international agreement of such investments will be conducive to the stimulation of individual business initiative and will increase prosperity in both States;

Have agreed as follows:

ARTICLE 1

Definitions

For the purposes of this Agreement

- (1) (a) "investment" means every kind of asset and in particular, though not exclusively, includes:
- (i) movable and immovable property and any other property rights such as mortgages, liens or pledges;
 - (ii) shares, stock and debentures of companies or interests in the property of such companies;
 - (iii) claims to money or to any performance under contract having a financial value;
 - (iv) intellectual property rights and goodwill;
 - (v) business concessions conferred by law or under contract, including concessions to search for, cultivate, extract or exploit natural resources.
- (b) The said term shall refer:
- (i) in respect of investments in the territory of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland, to all investments made in accordance with its legislation, and
 - (ii) in respect of investments in the territory of Malaysia, to all investments made in projects classified by the appropriate Ministry of Malaysia in accordance with its legislation and administrative practice as an "approved project".
- (c) Any alteration of the form in which assets are invested shall not affect their classification as investment, provided that such alteration is not contrary to the approval, if any, granted in respect of the assets originally invested.

(2) "returns" means the amounts yielded by an investment and in particular, though not exclusively, includes profit, interest, capital gains, dividends, royalties or fees.

(3) "nationals" means:

(a) in respect of the United Kingdom: any physical person who is a citizen of the United Kingdom and Colonies, and any British subject not possessing that citizenship or the citizenship of any other Commonwealth country or territory, provided in either case he has the right of abode in the United Kingdom;

(b) in respect of Malaysia: any person who is a citizen of Malaysia according to its constitution, or any person who is permanently resident in Malaysia.

(4) "companies" means:

(a) in respect of the United Kingdom: corporations, firms or associations incorporated or constituted under the law in force in any part of the United Kingdom;

(b) in respect of Malaysia: any company with a limited liability incorporated in the territory of Malaysia or any juridical person or any association of persons or partnership or sole proprietorship lawfully constituted in accordance with the law in force in any part of the territory of Malaysia.

(5) "territory" means:

(a) in respect of the United Kingdom: Great Britain and Northern Ireland;

(b) in respect of Malaysia: all the States in Malaysia.

ARTICLE 2

Promotion and Protection of Investment

(1) Each Contracting Party shall encourage and create favourable conditions for nationals or companies of the other Contracting Party to invest capital in its territory, and, subject to its right to exercise powers conferred by its laws, shall admit such capital.

(2) Investments of nationals or companies of either Contracting Party shall at all times be accorded fair and equitable treatment and shall enjoy full protection and security in the territory of the other Contracting Party. Neither Contracting Party shall in any way impair by unreasonable or discriminatory measures the management, maintenance, use, enjoyment or disposal of investments in its territory of nationals or companies of the other Contracting Party. Each Contracting Party shall observe any obligation it may have entered into with regard to investments of nationals or companies of the other Contracting Party.

ARTICLE 3

Most-favoured-nation Provisions

(1) Neither Contracting Party shall in its territory subject investments or returns of nationals or companies of the other Contracting Party to treatment

less favourable than that which it accords to investments or returns of its own nationals or companies or to investments or returns of nationals or companies of any third State.

(2) Neither Contracting Party shall in its territory subject nationals or companies of the other Contracting Party, as regards their management, use, enjoyment or disposal of their investments, to treatment less favourable than that which it accords to its own nationals or companies or to nationals or companies of any third State.

(3) Nationals or companies of one Contracting Party whose investments in the territory of the other Contracting Party suffer losses owing to war or other armed conflict, revolution, a state of national emergency, revolt, insurrection or riot in the territory of the latter Contracting Party shall be accorded by the latter Contracting Party treatment, as regards restitution, indemnification, compensation or other settlement, no less favourable than that which the latter Contracting Party accords to nationals or companies of any third State.

ARTICLE 4

Expropriation

(1) Investments of nationals or companies of either Contracting Party shall not be nationalised, expropriated or subjected to measures having effect equivalent to nationalisation or expropriation in the territory of the other Contracting Party except for a public purpose related to the internal needs of the expropriating Party and against prompt, adequate and effective compensation. Such compensation shall amount to the value of the investment expropriated immediately before the expropriation or impending expropriation became public knowledge and shall be freely transferable. The legality of any such expropriation and the amount of compensation shall be determined by due process of law in the territory of the Contracting Party in which the investment has been expropriated.

(2) Where a Contracting Party expropriates the assets of a company which is incorporated or constituted under the law in force in any part of its own territory, and in which nationals or companies of the other Contracting Party own shares, it shall ensure that the provisions of paragraph (1) of this Article are applied to the extent necessary in respect of the shareholders of such a company.

ARTICLE 5

Repatriation of Investment

Each Contracting Party shall, in respect of investments, allow nationals or companies of the other Contracting Party free transfer of their capital and of the returns from it. Nevertheless, each Contracting Party shall have the right to restrict in exceptional circumstances for balance of payments needs the transfer of such proceeds in a manner consistent with its rights and obligations as a member of the International Monetary Fund.

ARTICLE 6

Exceptions

The provisions in this Agreement relative to the grant of treatment not less favourable than that accorded to the nationals or companies of either Contracting Party or of any third State shall not be construed so as to oblige one Contracting Party to extend to the nationals or companies of the other the benefit of any treatment, preference or privilege which may be extended by the former Contracting Party by virtue of:

- (a) the formation or extension of a customs union or a free trade area or a common external tariff area or a monetary union; or
- (b) the adoption of an agreement designed to lead to the formation or extension of such a union or area within a reasonable length of time; or
- (c) any international agreement or arrangement relating wholly or mainly to taxation or any domestic legislation relating wholly or mainly to taxation.

ARTICLE 7

Reference to International Centre for Settlement of Investment Disputes

(1) Each Contracting Party hereby consents to submit to the International Centre for the Settlement of Investment Disputes (hereinafter referred to as "the Centre") for settlement by conciliation or arbitration under the Convention on the Settlement of Investment Disputes between States and Nationals of Other States opened for signature at Washington on 18 March 1965¹ any legal dispute arising between that Contracting Party and a national or company of the other Contracting Party concerning an investment of the latter in the territory of the former. A company which is incorporated or constituted under the law in force in the territory of one Contracting Party and in which before such a dispute arises the majority of shares are owned by nationals or companies of the other Contracting Party shall in accordance with Article 25 (2) (b) of the Convention be treated for the purpose of the Convention as a company of the other Contracting Party. If any such dispute should arise and agreement cannot be reached within three months between the parties to this dispute through pursuit of local remedies or otherwise, then, if the national or company affected also consents in writing to submit the dispute to the Centre for settlement by conciliation or arbitration under the Convention, either party may institute proceedings by addressing a request to that effect to the Secretary-General of the Centre as provided in Articles 28 and 36 of the Convention. In the event of disagreement as to whether conciliation or arbitration is the more appropriate procedure the national or company affected shall have the right to choose. The Contracting Party which is a party to the dispute shall not raise as an objection at any stage of the proceedings or enforcement of an award the fact that the national or company which is the other party to the dispute has received in pursuance of an insurance contract an indemnity in respect of some or all of his or its losses.

¹ Treaty Series No. 25 (1967), Cmnd. 3255.

(2) Neither Contracting Party shall pursue through diplomatic channels any dispute referred to the Centre unless

(a) the Secretary-General of the Centre, or a conciliation commission or an arbitral tribunal constituted by it, decides that the dispute is not within the jurisdiction of the Centre, or

(b) the other Contracting Party should fail to abide by or to comply with any award rendered by an arbitral tribunal.

ARTICLE 8

Disputes between the Contracting Parties

(1) Disputes between the Contracting Parties concerning the interpretation or application of this Agreement should, if possible, be settled through diplomatic channels.

(2) If a dispute between the Contracting Parties cannot thus be settled, it shall upon the request of either Contracting Party be submitted to an arbitral tribunal.

(3) Such an arbitral tribunal shall be constituted for each individual case in the following way. Within two months of the receipt of the request for arbitration, each Contracting Party shall appoint one member of the tribunal. Those two members shall then select a national of a third State who on approval by the two Contracting Parties shall be appointed Chairman of the tribunal. The Chairman shall be appointed within two months from the date of appointment of the other two members.

(4) If within the periods specified in paragraph (3) of this Article the necessary appointments have not been made, either Contracting Party may, in the absence of any other agreement, invite the President of the International Court of Justice to make any necessary appointments. If the President is a national of either Contracting Party or if he is otherwise prevented from discharging the said function, the Vice-President shall be invited to make the necessary appointments. If the Vice-President is a national of either Contracting Party or if he too is prevented from discharging the said function, the Member of the International Court of Justice next in seniority who is not a national of either Contracting Party shall be invited to make the necessary appointments.

(5) The arbitral tribunal shall reach its decision by a majority of votes. Such decision shall be binding on both Contracting Parties. Each Contracting Party shall bear the cost of its own member of the tribunal and of its representation in the arbitral proceedings; the cost of the Chairman and the remaining costs shall be borne in equal parts by the Contracting Parties. The tribunal may, however, in its decision direct that a higher proportion of costs shall be borne by one of the two Contracting Parties, and this award shall be binding on both Contracting Parties. The tribunal shall determine its own procedure.

ARTICLE 9

Subrogation

If either Contracting Party makes payment under an indemnity it has given in respect of an investment or any part thereof in the territory of the other Contracting Party, the latter Contracting Party shall recognise

- (a) the assignment, whether under law or pursuant to a legal transaction, of any right or claim from the party indemnified to the former Contracting Party (or its designated Agency), and
- (b) that the former Contracting Party (or its designated Agency) is entitled by virtue of subrogation to exercise the rights and enforce the claims of such a party.

The former Contracting Party (or its designated Agency) shall accordingly if it so desires be entitled to assert any such right or claim to the same extent as its predecessor in title either before a Court or tribunal in the territory of the latter Contracting Party or in any other circumstances. If the former Contracting Party acquires amounts in the lawful currency of the other Contracting Party or credits thereof by assignment under the terms of an indemnity the former Contracting Party shall be accorded in respect thereof treatment not less favourable than that accorded to the funds of companies or nationals of the latter Contracting Party or of any third State deriving from investment activities similar to those in which the party indemnified was engaged. Such amounts and credits shall be freely available to the former Contracting Party concerned for the purpose of meeting its expenditure in the territory of the other Contracting Party.

ARTICLE 10

Application to Investment

This Agreement shall apply to investments made in the territory of either Contracting Party in accordance with its legislation or rules or regulations by nationals or companies of the other Contracting Party prior to as well as after the entry into force of this Agreement.

ARTICLE 11

Entry into Force, Duration and Termination

(1) This Agreement shall enter into force on the exchange of instruments of ratification¹.

(2) This Agreement shall remain in force for a period of ten years and shall continue in force thereafter unless, after the expiry of the initial period of ten years either Contracting Party notifies in writing the other Contracting Party of its intention to terminate this Agreement. The notice of termination shall become effective one year after it has been received by the other Contracting Party.

¹ The Agreement entered into force on 21 October 1988.

(3) In respect of investments made prior to the date when the notice of termination of this Agreement becomes effective, the provisions of Articles 1 to 9 shall remain in force for a further period of ten years after the date of termination and without prejudice to the application thereafter of the rules of general international law.

In witness whereof the undersigned, duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Agreement.

Done in duplicate at London this 21st day of May 1981 in the English and Bahasa' Malaysia languages, both texts being equally authoritative. In the case of divergence between the texts of this Agreement the English text shall prevail.

For the Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland:

P. A. R. BLAKER

For the Government of Malaysia:

R. AZNAM

PERJANJIAN
DIANTARA KERAJAAN UNITED KINGDOM GREAT BRITAIN
DAN IRELAND UTARA DAN KERAJAAN MALAYSIA BAGI
MENGALAKKAN DAN MELINDUNGI PELABURAN

Kerajaan United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara dan Kerajaan Malaysia;

Dengan hasrat hendak mewujudkan suasana yang baik bagi meningkatkan pelaburan oleh rakyat dan syarikat-syarikat satu Negara dalam wilayah Negara yang satu lagi itu;

Mengakui bahawa galakan dan perlindungan balas-membalas bagi pelaburan-pelaburan sedemikian di bawah perjanjian antarabangsa akan membantu menggerakkan inisiatif perniagaan individu dan akan menambah kemakmuran kedua-dua Negara;

Telah bersetuju seperti berikut:

PERKARA 1

Takrif

Bagi maksud-maksud Perjanjian ini

- (1) (a) "pelaburan" ertinya tiap-tiap jenis aset dan terutama sekali, walaupun ini tidak eksklusif, termasuklah:
- (i) harta alih dan takalih dan lain-lain hak harta seperti gadaijanji, lien atau sandaran;
 - (ii) syer, saham dan debentur syarikat-syarikat atau kepentingan-kepentingan dalam harta syarikat-syarikat sedemikian;
 - (iii) tuntutan terhadap wang atau terhadap apa-apa pelaksanaan di bawah kontrak yang mempunyai nilai kewangan;
 - (iv) hak harta intelek dan muhibah;
 - (v) konsesi perniagaan yang diberi oleh undang-undang atau di bawah kontrak, termasuk konsesi untuk mencari, mengusahakan, mengeluarkan atau mengeksploit sumber alam.
- (b) Perkataan "pelaburan" bermaksud:
- (i) berkenaan dengan pelaburan-pelaburan dalam wilayah United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara, semua pelaburan yang dibuat mengikut undang-undangnya, dan
 - (ii) berkenaan dengan pelaburan-pelaburan dalam wilayah Malaysia semua pelaburan yang dibuat dalam projek-projek yang diklaskan oleh Kementerian yang berkenaan dalam Malaysia mengikut undang-undang dan amalan pentadbirannya sebagai "projek yang diluluskan".
- (c) Apa-apa perubahan tentang bentuk aset yang dilaburkan tidak akan menyentuh klasifikasinya sebagai pelaburan, dengan syarat bahawa perubahan itu tidak berlawanan dengan kelulusan, jika ada, yang telah diberi berkenaan dengan aset yang dilaburkan pada asalnya.

(2) " pulangan " ertinya amaun yang didapati hasil dari pelaburan dan terutama sekali, walaupun ini tidak eksklusif, termasuklah keuntungan, bunga, laba modal dividen, royalti atau fee.

(3) " rakyat " ertinya:

(a) berkenaan dengan United Kingdom: mana-mana orang jisim yang ianya seorang warganegara United Kingdom dan Tanahtanah jajahannya, dan mana-mana rakyat British yang tidak mempunyai kewarganegaraan itu atau kewarganegaraan mana-mana negara atau wilayah lain dalam Komanwel, dengan syarat dalam tiap-tiap kes ia mempunyai hak untuk tinggal di-United Kingdom;

(b) berkenaan dengan Malaysia; seseorang yang ianya seorang warganegara Malaysia mengikut Perlembagaannya atau seseorang yang bermastautin tetap di Malaysia.

(4) " syarikat " ertinya:

(a) berkenaan dengan United Kingdom: perbadanan, firma atau persatuan yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di mana-mana bahagian United Kingdom;

(b) berkenaan dengan Malaysia: mana-mana syarikat yang mempunyai tanggungan berhad yang diperbadankan dalam wilayah Malaysia atau mana-mana orang anggapan undang-undang atau mana-mana persatuan orang atau perkongsian atau ketuanpunyaan tunggal yang ditubuhkan dengan sahnya mengikut undang-undang yang berkuatkuasa di mana-mana bahagian wilayah Malaysia.

(5) " wilayah " ertinya:

(a) berkenaan dengan United Kingdom: Great Britain dan Ireland Utara;

(b) berkenaan dengan Malaysia: semua Negeri dalam Malaysia.

PERKARA 2

Penggalakan dan Perlindungan Pelaburan

(1) Tiap-tiap Pihak Berjanji hendaklah menggalakkan dan mewujudkan suasana yang baik bagi rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu untuk melaburkan modal dalam wilayahnya, dan, tertakluk kepada haknya untuk menggunakan kuasa-kuasa yang diberi oleh undang-undangnya, hendaklah membenarkan modal demikian.

(2) Pelaburan rakyat atau syarikat-syarikat salah satu Pihak Berjanji hendaklah pada setiap masa diberi layanan yang adil dan saksama dan hendaklah mendapat perlindungan dan keselamatan penuh dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu. Tiada satupun Pihak Berjanji boleh dengan apa cara jua pun menjejaskan, dengan langkah-langkah yang takberpatutan atau yang mendiskriminasi, pengurusan, penyenggaraan, penggunaan, penikmatan atau pelupusan pelaburan-pelaburan dalam wilayahnya kepunyaan rakyat atau syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu. Tiap-tiap Pihak Berjanji hendaklah menunaikan apa-apa tanggungan yang telah disanggupinya berkenaan dengan pelaburan-pelaburan rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu.

PERKARA 3

Peruntukan-peruntukan negara-layanan-terbaik

(1) Tiada satupun Pihak Berjanji boleh dalam wilayahnya memberi kepada pelaburan atau pulangan kepunyaan rakyat atau syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu layanan yang kurang baik daripada layanan yang diberi kepada pelaburan atau pulangan kepunyaan rakyat atau syarikat-syarikatnya sendiri atau kepada pelaburan atau pulangan kepunyaan rakyat atau syarikat-syarikat mana-mana Negara ketiga.

(2) Tiada satupun Pihak Berjanji boleh dalam wilayahnya memberi kepada rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu, berkenaan dengan pengurusan, penggunaan, penikmatan atau pelupusan pelaburan-pelaburan mereka, layanan yang kurang baik daripada layanan yang diberi kepada rakyat atau syarikat-syarikatnya sendiri atau kepada rakyat atau syarikat-syarikat mana-mana Negara ketiga.

(3) Rakyat atau syarikat-syarikat satu Pihak Berjanji yang pelaburan-pelaburannya dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu mengalami kerugian disebabkan peperangan atau lain-lain konflik bersenjata, revolusi, keadaan darurat negara, pemberontakan, penderhakaan atau rusuhan dalam wilayah Pihak Berjanji yang kemudian itu hendaklah diberi oleh Pihak Berjanji yang kemudian itu, berkenaan dengan pemulihan, penanggunganrugi, pampasan atau lain-lain penyelesaian, layanan yang tidak kurang baiknya daripada yang diberi oleh Pihak Berjanji yang kemudian itu kepada rakyat atau syarikat-syarikat mana-mana Negara ketiga.

PERKARA 4

Ambilalih

(1) Pelaburan-pelaburan kepunyaan rakyat atau syarikat-syarikat mana-mana satu Pihak Berjanji tidak boleh dimiliknegara, diambilalih atau dikenakan langkah-langkah yang mempunyai kesan yang sama dengan miliknegara atau ambilalih dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu kecuali bagi maksud awam yang ada kaitan dengan keperluan-keperluan dalam negeri Pihak yang mengambilalih itu dan dibalas dengan bayaran pampasan yang segera, mencukupi dan berkesan. Pampasan itu hendaklah berjumlah sebanyak nilai pelaburan yang diambilalih itu sebelum sahaja ambilalih atau cadangan mengambilalih itu diketahui oleh orang ramai dan hendaklah boleh dipindah dengan bebasnya. Sahnya di sisi undang-undang akan sesuatu ambilalih itu dan amaun pampasan itu hendaklah ditentukan menurut proses undang-undang yang sewajarnya dalam wilayah Pihak Berjanji dimana pelaburan itu telah diambilalih.

(2) Jika suatu Pihak Berjanji mengambilalih aset sesuatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di mana-mana bahagian dalam wilayahnya sendiri dan rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu ada mempunyai syer dalam syarikat itu, maka ia hendaklah memastikan bahawa peruntukan-peruntukan perenggan (1) Perkara ini dipakai setakat yang perlu bagi pemegang-pemegang syer syarikat itu.

PERKARA 5

Kebolehan Memindah

Tiap-tiap satu Pihak Berjanji hendaklah, berkenaan dengan pelaburan-pelaburan, membenarkan rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu memindah dengan bebas akan modal mereka dan pulangan-pulangan daripadanya. Walau bagaimanapun tiap-tiap satu Pihak Berjanji adalah berhak menghadkan, dalam hal keadaan yang luar biasa, bagi keperluan imbangan bayaran, pemindahan hasil sedemikian mengikut cara yang konsisten dengan hak-hak dan tanggungan-tanggungan sebagai anggota Tabung Wang Antarabangsa.

PERKARA 6

Perkecualian

Peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian ini berkenaan dengan pemberian layanan yang tidak kurang baiknya daripada layanan yang diberi kepada rakyat atau syarikat-syarikat mana-mana satu Pihak Berjanji atau mana-mana Negara ketiga tidaklah boleh ditafsirkan sebagai mewajibkan satu Pihak Berjanji supaya memberi kepada rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu faedah apa-apa layanan, keutamaan atau keistimewaan yang mungkin diberi oleh Pihak Berjanji yang dahulu itu oleh sebab:

- (a) pembentukan atau peluasan suatu kesatuan kastam atau suatu kawasan perdagangan bebas atau suatu kawasan tarif luar bersama atau suatu kesatuan wang; atau
- (b) penerimaan dan pemakaian suatu perjanjian yang bertujuan membawa ke arah pembentukan atau peluasan sesuatu kesatuan atau kawasan sedemikian dalam tempoh masa yang menasabah; atau
- (c) apa-apa perjanjian atau perkiraan antarabangsa yang berkaitan sepenuhnya atau terutamanya dengan percukaian atau apa-apa perundangan dalam negeri yang berkaitan sepenuhnya atau terutamanya dengan percukaian.

PERKARA 7

Rujukan kepada Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan

(1) Tiap-tiap satu Pihak Berjanji adalah dengan ini bersetuju mengemukakan kepada Pusat Antarabangsa bagi Penyelesaian Pertikaian Pelaburan (kemudian daripada ini disebut "Pusat") untuk penyelesaian dengan jalan perdamaian atau timbangtara di bawah Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan diantara Negara-negara dan Rakyat Negara-negara lain yang dibuka untuk tandatangan di Washington pada 18hb Mac 1965 apa-apa pertikaian undang-undang yang berbangkit diantara Pihak Berjanji itu dan seorang rakyat atau suatu syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu mengenai sesuatu pelaburan kepunyaan pihak yang kemudian itu dalam wilayah pihak yang dahulu itu. Sesuatu syarikat yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa dalam wilayah satu Pihak Berjanji

dan yang sebelum berbangkitnya pertikaian sedemikian sebilangan besar daripada syer dalamnya itu adalah dimiliki oleh rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu hendaklah, menurut Perkara 25 (2) (b) Konvensyen itu, dianggapkan bagi maksud-maksud Konvensyen itu sebagai suatu syarikat Pihak Berjanji yang satu lagi itu. Jika sekiranya berbangkit apa-apa pertikaian seperti itu dan persetujuan tidak tercapai dalam tempoh tiga bulan diantara pihak-pihak dalam pertikaian itu melalui usaha mencari cara-cara penyelesaian tempatan ataupun sebaliknya, maka, jika rakyat atau syarikat yang terlibat itu juga bersetuju secara bertulis untuk mengemukakan pertikaian itu kepada Pusat untuk diselesaikan dengan jalan perdamaian dan timbangtara di bawah Konvensyen itu, mana-mana satu pihak boleh memulakan langkah pembicaraan dengan menghantar suatu surat permintaan yang bermaksudkan sademikian kepada Setiausaha Agong Pusat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara-Perkara 28 dan 36 Konvensyen itu. Sekiranya tak ada persetujuan tentang tatacara manakah yang lebih sesuai, sama ada perdamaian ataupun timbangtara, maka rakyat atau syarikat yang terlibat adalah mempunyai hak untuk memilihnya. Pihak Berjanji yang menjadi pihak dalam pertikaian itu tidak boleh membangkitkan sebagai bantahan pada mana-mana peringkat pembicaraan atau penguatkuasaan sesuatu award bahawa rakyat atau syarikat yang menjadi pihak yang satu lagi dalam pertikaian itu telah menerima, di bawah suatu kontrak insurans, gantirugi bagi sebahagian atau kesemuanya kerugian rakyat atau syarikat itu.

(2) Tiada satupun Pihak Berjanji boleh menyusuli melalui saluran diplomatik apa-apa pertikaian yang dirujukkan kepada Pusat melainkan jika:

- (a) Setiausaha Agong Pusat dan satu suruhanjaya perdamaian atau suatu tribunal timbangtara yang ditubuhkan olehnya, menetapkan bahawa pertikaian itu bukanlah dalam bidangkuasa Pusat, atau
- (b) Pihak Berjanji yang lagi satu itu tidak menuruti atau mematuhi apa-apa award yang diberi oleh sesuatu tribunal timbangtara.

PERKARA 8

Pertikaian diantara Pihak-Pihak Berjanji

(1) Pertikaian diantara Pihak-Pihak Berjanji mengenai pentafsiran atau pemakaian Perjanjian ini hendaklah, jika boleh, diselesaikan melalui saluran-saluran diplomatik.

(2) Jika pertikaian diantara Pihak-Pihak Berjanji itu tidak dapat diselesaikan dengan cara demikian itu, maka pertikaian itu hendaklah, atas permintaan mana-mana satu Pihak Berjanji, dikemukakan kepada suatu tribunal timbangtara.

(3) Tribunal timbangtara itu hendaklah ditubuhkan bagi tiap-tiap satu kes mengikut cara yang berikut. Dalam tempoh dua bulan setelah diterima permintaan untuk timbangtara, tiap-tiap satu Pihak Berjanji hendaklah melantik seorang ahli tribunal. Kedua-dua orang ahli itu hendaklah kemudiannya memilih seorang rakyat daripada Negara ketiga yang apabila diluluskan oleh kedua-dua Pihak Berjanji hendaklah dilantik sebagai Pengerusi tribunal. Pengerusi itu hendaklah dilantik dalam tempoh dua bulan dari tarikh perlantikan kedua-dua orang ahli yang lain itu.

(4) Jika dalam tempoh-tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (3) Perkara ini perlantikan-perlantikan yang perlu masih belum dibuat, mana-mana satu Pihak Berjanji boleh, sekiranya tidak ada apa-apa perjanjian lain, mengundang Yang Dipertua Mahkamah Keadilan Antarabangsa membuat apa-apa jua perlantikan yang perlu. Jika Yang Dipertua itu adalah rakyat mana-mana satu Pihak Berjanji atau jika sebaliknya ia terhalang daripada menunaikan tugas tersebut, Naib Yang Dipertua hendaklah diundang membuat perlantikan-perlantikan yang perlu itu. Jika Naib Yang Dipertua itu adalah rakyat mana-mana satu Pihak Berjanji atau jika ia juga adalah terhalang daripada menunaikan tugas tersebut, Ahli Mahkamah Keadilan Antarabangsa yang terkanan selepasnya yang bukan rakyat mana-mana satu Pihak Berjanji hendaklah diundang membuat perlantikan-perlantikan yang perlu itu.

(5) Tribunal timbangtara itu hendaklah membuat keputusannya mengikut undi lebihsuara. Kedua-dua Pihak Berjanji adalah terikat dengan keputusan itu. Tiap-tiap satu Pihak Berjanji hendaklah menanggung kos ahlinya sendiri dalam tribunal itu dan kos pembelaannya dalam pembicaraan timbangtara itu; kos Pengerusi dan lain-lain kos hendaklah ditanggung sama banyak oleh Pihak-Pihak Berjanji. Tribunal itu boleh, bagaimanapun, dalam keputusannya mengarahkan supaya kadar kos yang lebih tinggi hendaklah ditanggung oleh salah satu daripada kedua-dua Pihak Berjanji, dan kedua-dua Pihak Berjanji itu adalah terikat dengan award itu. Tribunal hendaklah menetapkan tatacaranya sendiri.

PERKARA 9

Subrogasi

Jika mana-mana satu Pihak Berjanji membuat pembayaran di bawah suatu jaminan tanggungan yang telah diberinya berkenaan dengan suatu pelaburan atau mana-mana bahagian daripadanya dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu, maka Pihak Berjanji yang kemudian itu hendaklah mengakui

- (a) serahak, sama ada di bawah undang-undang atau menurut suatu transaksi disisi undang-undang, akan apa-apa hak atau tuntutan daripada pihak yang dijamin tanggungan kepada Pihak Berjanji yang dahulu itu (atau Agensinya yang ditetapkan), dan
- (b) bahawa Pihak Berjanji yang dahulu itu (atau Agensinya yang ditetapkan) adalah berhak menurut subrogasi menggunakan hak-hak dan menguatkuasakan tuntutan-tuntutan pihak sedemikian itu.

Maka dengan demikian itu Pihak Berjanji yang dahulu itu (atau Agensinya yang ditetapkan) jika ia berkehendakkan sedemikian adalah berhak menuntut apa-apa hak atau tuntutan sedemikian setakat yang sama seperti pemegang hakmiliknya yang dahulu sama ada di dalam Mahkamah atau tribunal dalam wilayah Pihak Berjanji yang kemudian itu atau dalam hal-hal keadaan yang lain. Jika Pihak Berjanji yang dahulu itu memperolehi amaun-amaun dalam matawang Pihak Berjanji yang satu lagi itu yang mana adalah sah disisi undang-undang atau kredit-kredit baginya dengan cara serahak di bawah syarat-syarat sesuatu jaminan tanggungan, maka Pihak Berjanji yang dahulu itu hendaklah diberi berkenaan dengannya itu layanan yang tidak kurang baik daripada layanan yang diberi kepada wang-wang syarikat atau rakyat Pihak

Berjanji yang kemudian itu atau mana-mana Negara Ketiga yang terbit daripada aktiviti-aktiviti pelaburan yang serupa dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak yang dijamin tanggungrugi itu. Amaun-amaun dan kredit-kredit seperti itu hendaklah boleh didapati dengan mudah oleh Pihak Berjanji kemudian yang berkenaan itu bagi maksud menanggung perbelanjaannya dalam wilayah Pihak Berjanji yang satu lagi itu.

PERKARA 10

Pemakaian

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi pelaburan yang dibuat dalam wilayah mana-mana satu Pihak Berjanji mengikut undang-undang atau kaedah-kaedah atau peraturan-peraturannya oleh rakyat atau syarikat-syarikat Pihak Berjanji yang lagi satu itu sebelum dan juga selepas sahnya Perjanjian ini.

PERKARA 11

Pengesahan, Tempoh dan Penamatan

(1) Perjanjian ini hendaklah sah apabila sahaja selesai penukaran suratcara-suratcara pengesahan.

(2) Perjanjian ini hendaklah berkuatkuasa selama tempoh sepuluh tahun dan hendaklah terus berkuatkuasa selepas pada itu melainkan jika, selepas tamat tempoh sepuluh tahun yang mula-mula itu, mana-mana satu Pihak Berjanji memberitahu secara bertulis Pihak Berjanji yang satu lagi itu mengenai cadangannya hendak menamatkan Perjanjian ini. Notis penamatan itu hendaklah mula berkesan satu tahun selepas ia diterima oleh Pihak Berjanji yang satu lagi itu.

(3) Berkenaan dengan pelaburan-pelaburan yang dibuat sebelum tarikh notis manamatkan Perjanjian ini mula berkesan, peruntukan-peruntukan Perkara 1 hingga 9 hendaklah terus berkuatkuasa selama tempoh sepuluh tahun lagi selepas tarikh penamatan itu dan tanpa menjejaskan pemakaian selepas pada itu akan kaedah-kaedah undang-undang antarabangsa umum.

Pada menyaksikan hal di atas yang bertandatangan di bawah ini, yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat dalam dua salinan di London pada 21 haribulan Mei 1981 dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, kedua-dua teks sama sahnya.

Jika sekiranya ada perselisihan antara teks-teks Perjanjian ini maka teks dalam Bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

Bagi Pihak Kerajaan United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara:

P. A. R. BLAKER

Bagi pihak Kerajaan Malaysia:

R. AZNAM

Printed by Her Majesty's Stationery Office

1602 Dd 0901707 C7 6/89 3184067

ISBN 0 10 107072 1